



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**TRADESMAN TINGKAT KHAS**

**(D.3 EB.4)**

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TRADESMAN TINGKAT KHAS**  
**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**  
**D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Automobil / Mekanikal / *Motor Vehicle Mechanics* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Daerah Brunei dan Muara dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Mempunyai Lesen Memandu Kelas Tiga (03) yang sah (tidak mansuh). Mempunyai Lesen Memandu Kelas Lima (05) yang sah (tidak mansuh) adalah kelebihan.
3. Berkemahiran mengenai hal ehwal membaik pulih kerosakan dan pemeliharaan jentera-jentera kenderaan, mesin-mesin rumput dan motor sangkut serta berpengalaman dalam kerja-kerja berkaitan dengan automotif.
4. Keutamaan akan diberikan kepada calon lelaki.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menguruskan dan mentadbir urusan-urusan kerja dan kakitangan Unit Mekanik;
2. Menyelaras pembelian alat ganti melalui Bahagian Stor Jabatan dan mendapatkan sebut harga bagi pembelian alat ganti atau pembaikan daripada syarikat-syarikat swasta;
3. Menerima dan menyelaras laporan-laporan kerosakan dan menghadapkan kepada Ketua Unit untuk tindakan urusan-urusan pembaikan selanjutnya;
4. Menyediakan penjadualan dan laporan pemeliharaan kenderaan-kenderaan Jabatan;
5. Mengesahkan pembelian alat ganti sebelum ditandatangani oleh pegawai atasan dan mengemaskini laporan-laporan pembelian alat ganti;
6. Mengetuai mekanik-mekanik di dalam kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan;
7. Menguji cuba kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang sudah siap dijalankan untuk memastikan tahap kesempurnaan dan keselamatan sebelum ianya digunakan;
8. Menyediakan jadual-jadual penyelenggaraan bagi kenderaan, kenderaan berat, jentera, mesin dan peralatan Jabatan yang berkaitan;
9. Memastikan dan memelihara perkakas-perkakas pembaikan (*tools*) sentiasa mencukupi dan di dalam keadaan baik, bersih dan teratur;
10. Menyediakan laporan-laporan yang berkaitan bila diperlukan;
11. Memastikan kerja-kerja yang telah diarahkan siap dan sempurna dilaksanakan di dalam jangka masa yang telah ditetapkan;
12. Bertugas dan bertanggungjawab dalam penyelarasan, mengambil tindakan melaksanakan tugas-tugas bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bercemar Duli dan Beramah Mesra bersama Rakyat bagi Daerah Brunei dan Muara; dan
13. Bersedia menerima apa jua arahan berkaitan dengan tugas tambahan daripada Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah, Ketua Bahagian dan Ketua Unit dari semasa ke semasa di dalam dan luar waktu bekerja.